

Journal of Research, Policy & Practice of Teachers &
Teacher Education (ISSN 2232-0458/ e-ISSN 2550-1771)
Vol. 9, No. 1, June 2019, 58-69

Kesahan dan Kebolehpercayaan Modul Kelompok Bimbingan Integrasi REBT-Tazkiyah An-Nafs

Validity and reliability of the module titled “Modul kelompok bimbingan integrasi REBT-Tazkiyah An-Nafs”

Mohd Zaharen Md Zahir, Md Noor Saper & Mohammad Nasir Bistamam
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak.
Corresponding author: cr.mohdzaharen@gmail.com

DOI: <https://doi.org/10.37134/jrpptte.vol9.no1.6.2019>

Received: 11 Mac 2019; Accepted: 12 May 2019; Published: 27 June 2019

Abstrak

Modul Kelompok Bimbingan Integrasi REBT-Tazkiyah An-Nafs dibina untuk membimbing pelajar Diploma Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat di Darul Quran, JAKIM bagi meningkatkan motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi. Modul Kelompok Bimbingan Integrasi REBT-Tazkiyah An-Nafs mengandungi tujuh submodul berasaskan pendekatan tingkah laku berdasarkan teori *Rational Emotive Behaviour Therapy* (REBT) oleh Albert Ellis dan diintegrasikan dengan *Tazkiyah An-Nafs* oleh Al-Ghazali. Bagi mengukur kesahan kandungan, kaedah perakuan oleh 13 orang pakar telah digunakan manakala 30 orang pelajar Diploma Tahfiz semester 2 telah dipilih untuk mengikuti kelompok bimbingan menggunakan modul ini selama lapan minggu berturut-turut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Modul Kelompok Bimbingan Integrasi REBT-Tazkiyah An-Nafs mempunyai nilai indeks kesahan kandungan yang tinggi iaitu .90, nilai pekali *Cronbach's Alpha* Modul Kelompok Bimbingan Integrasi REBT-Tazkiyah An-Nafs adalah tinggi iaitu

.97. Kesimpulannya, Modul Kelompok Bimbingan Integrasi REBT-Tazkiyah An-Nafs merupakan satu sumbangan baharu kepada pengamal bimbingan dan kaunseling di Malaysia serta sesuai digunakan dalam konteks tempatan. Modul ini boleh digunakan oleh Kaunselor, Guru mahupun fasilitator sebagai salah satu alternatif intervensi terhadap pelajar sekolah menengah mahupun di institusi pengajian tinggi.

Kata kunci: Kesahan, Kebolehpercayaan, Modul Kelompok Bimbingan Integrasi REBT-Tazkiyah An-Nafs, pelajar diploma

Abstract

The module “Modul Kelompok Bimbingan Integrasi REBT-Tazkiyah An-Nafs” is constructed to guide students doing a diploma program in ‘Tahfiz in Darul Quran’ to improve their motivation, emotional intelligence and resilience. “Modul Kelompok Bimbingan Integrasi REBT-Tazkiyah An-Nafs” consists of seven sub-modules based on the Behavioural Approach of Rational Emotive Behaviour Therapy (REBT) by Albert Ellis and is integrated with the concept of ‘Tazkiyah An-Nafs by Al-Ghazali’. To evaluate the content validity, thirteen experts are asked to assess the module while 30 students of ‘Tahfiz in Darul Quran’ class who are in their second semester were chosen to participate in the study for eight consecutive weeks. Findings indicate that “Modul Kelompok Bimbingan Integrasi REBT-Tazkiyah An-Nafs” has a high content validity index of 0.90. Besides that, the overall Cronbach’s Alpha value is high, at 0.97. In conclusion, the module “Modul Kelompok Bimbingan Integrasi REBT-Tazkiyah An-Nafs” is a novel contribution to counsellors in Malaysia and is appropriate for use in the local context. This module can be applied by counsellors, teachers and even facilitators as an alternative to current interventions for secondary school students or even institutions.

Keywords: Diploma students, 'Modul Kelompok Bimbingan Integrasi REBT-Tazkiyah An-Nafs', reliability, Validity

PENGENALAN

Proses menghafal al-Quran merupakan cabaran dan menguji kesabaran seseorang pelajar dalam menghafal ayat-ayat al-Quran. Tidak semua pelajar dapat menamatkan hafazan al-Quran walaupun berada di institusi tahfiz (Umu Hani 2014), malah ada juga yang gagal menamatkan pengajian hafazan kerana tidak memenuhi syarat-syarat pengajian (Darul Quran 2014). Menurut Abdul Hafiz & Hasimah (2004) kegagalan pelajar Tahfiz ini berpunca daripada masalah dalaman dan masalah luaran yang dihadapi oleh pelajar tersebut. Menurut Azmi (2014) kesilapan dalam strategi pembelajaran akan mempengaruhi tahap akademik pelajar Tahfiz.

Umu Hani (2014) menyatakan selain strategi pembelajaran, kejayaan menghasilkan golongan *huffaz* ada kaitan rapat dengan aspek psikologi iaitu motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi seseorang pelajar itu sendiri. Menurut Azrinawati et. al., (2013) menggambarkan, konsep pembelajaran sendiri dari aspek motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi pelajar merupakan faktor yang mampu menggerakkan usaha mereka ke atas sesuatu matlamat pembelajaran. Jesteru, walaupun pembangunan kerohanian telah banyak diketengahkan, namun hakikatnya karekter atau personaliti pelajar Tahfiz itu sendiri mempengaruhi usaha dan kejayaan mereka dalam membentuk sahsiah yang terpuji.

Jesteru, satu modul menggunakan pendekatan bimbingan dan kaunseling dibentuk bagi menangani isu pembangunan diri pelajar Tahfiz yang dikenali sebagai Modul Kelompok Bimbingan Integrasi REBT-Tazkiyah An-Nafs. Ini kerana menurut Azrinawati et al. (2013) beberapa faktor penting ke atas pencapaian ialah aspek demografi, motivasi dan strategi pembelajaran. Motivasi merupakan karekteristik pelajar yang mendominasi faktor dalaman. Ia diperlukan keatas diri seseorang pelajar Tahfiz sebagai persediaan menghadapi pembelajaran (Nur Istifa'ah, 2009).

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebelum ini telah merangka Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) (Abbas, 2018) dan kini dijenamakan semula sebagai Majlis Tahfiz Negara (Berita Harian, 2019) bagi memastikan institusi Pendidikan Tahfiz Negara terus subur dan diperkasakan. Berdasarkan pernyataan di atas, kajian ini berketepatan untuk mengkaji tahap motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi pelajar tahfiz dalam membangunkan potensi diri dan pencapaian cemerlang dalam akademik khususnya hafazan al-Quran. Adalah lebih baik juga kajian ini dilakukan untuk melihat kesan motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi yang mempengaruhi pembangunan diri pelajar Tahfiz.

Modul Kelompok Bimbingan REBT-Tazkiyah An-Nafs dibina berasaskan pendekatan Rasional Emotif Tingkah Laku (REBT) yang diperkenalkan oleh Albert Ellis pada tahun 1955. Pendekatan ini menekankan bahawa aspek kognitif seseorang individu mempengaruhi aspek emotif dan tingkah laku serta saling berkaitan (Ellis, Shaughnessy & Mahan, 2003; Wallen, DiGiuseppe & Dryden, 1992). Manakala *Tazkiyah al-Nafs* merupakan satu usaha gigih dan bersungguh-sungguh dalam membersihkan dan menyucikan jiwa dari sifat-sifat yang tercela.

Menurut Zaini et al. (2016) *Tazkiyah al-nafs* adalah satu proses peralihan daripada jiwa yang kotor, ternoda dan tercemar dengan dosa-dosa dibaiki menjadi jiwa yang suci bersih. Seperti hati yang tidak mengikut peraturan syariat kepada hati yang mengikut kepada tuntutan syariat, daripada hati yang kafir kepada hati yang mukmin, daripada munafik kepada bersikap jujur, amanah dan berintegriti, dari sifat dendam digantikan dengan pemaaf, tawaddu', tawakkal, terkawal dan sebagainya.

Dengan adanya usaha mengintegrasikan konsep REBT dengan *Tazkiyah An-Nafs*, ianya dapat menghasilkan satu kemahiran dalam menyelesaikan masalah secara komprehensif dari pelbagai aspek tingkah laku, emosi dan spiritual. Modul Kelompok Bimbingan Integrasi REBT-Tazkiyah An-Nafs yang dibangunkan oleh pengkaji merupakan salah satu intervensi untuk membantu individu memahami dirinya seterusnya menggunakan kebolehan dan keupayaan diri untuk berubah dan berkembang. Modul bimbingan ini mengandungi pelbagai aktiviti yang dirancang secara sistematik berdasarkan teori dan objektif-objektif yang telah ditetapkan. Ia

merupakan satu pakej pembelajaran terancang dan berurutan yang boleh digunakan sebagai bimbingan oleh pengamal kaunseling atau mereka yang terlibat dengan profesion membantu di samping boleh digunakan sebagai pembelajaran sendiri (Md Noor, 2012). Menurut Gladding (2003), bimbingan melibat bantuan bagi membantu individu tersebut membuat keputusan kearah matlamat yang positif supaya memberi kesan perkembangan mental, sosial, intelek, fizikal, emosi, kejiwaan dan kerohanian (Shertzer & Stone, 1981). Ianya adalah satu proses membantu individu memahami persekitaran agar menggunakan keupayaan dan bakat yang ada pada dirinya (Abdul Malek, 2004).

Modul Kelompok Bimbingan Integrasi Teori Rasional Emotif Tingkah laku (REBT) - *Tazkiyah An-Nafs* merupakan panduan kepada fasilitator yang akan mengendalikan sesi kelompok bimbingan secara sistematik. Modul ini merupakan satu kaedah bagi membantu pelaksanaan dalam meningkatkan motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi pelajar. Modul ini mempunyai tujuh domain yang mana setiap satunya mempunyai konsep A, B C, D, E dan F. Konsep atau domain pertama adalah Peristiwa (*Activating Event*), ke dua Mentaksirkan Masalah Kepercayaan Rasional dan Tidak Rasional (*Belief Evaluation System*), domain ke tiga adalah Kesan Psikologi Yang Dihadapi (*Consequence*), ke empat Mencabar Pemikiran Tidak Rasional (*Disputing*), ke lima Kesan Baharu Emosi (*New Effect*) dan dan keenam Mengatur Strategi.

Aktiviti kelompok bimbingan ini hanya berfokus kepada kelompok kecil iaitu seramai 6 hingga 15 orang dalam satu kelompok. Kelompok-kelompok bersaiz kecil membolehkan perbincangan lebih mendalam dan meningkatkan tumpuan fasilitator dan peserta. Fokus antara kelompok bimbingan adalah untuk menyebarkan maklumat pendidikan, kerjaya dan psikososial (Ida Hartina, 2006). Bentuk bimbingan yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan matlamat kajian, iaitu untuk meningkatkan aspek psikologi iaitu motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi. Pendekatan REBT dan *Tazkiyah An-Nafs* dengan menggunakan model kelompok bimbingan yang berstruktur akan memberi kesan positif bagi tujuan peningkatan psikologi pelajar tahfiz. Antara teknik yang digunakan dalam Modul Kelompok Bimbingan REBT-*Tazkiyah An-Nafs* untuk kajian ini ialah berbentuk psikopendidikan, aktiviti pendedahan, perancangan pembangunan diri dan penstrukturan semula kognitif yang dijalankan selama 10 sesi termasuk taklimat pengenalan kajian. Kesan Modul Kelompok Bimbingan REBT-*Tazkiyah An-Nafs* dalam kelompok bimbingan ini diukur berdasarkan ujian pra dan ujian pos soal-selidik instrument Motivasi, Kecerdasan Emosi dan Resiliensi (IMKR).

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi

- (i) Mengukur nilai kesahan kandungan Modul Kelompok Bimbingan Integrasi REBT-*Tazkiyah An-Nafs*.
- (ii) Mengukur nilai kebolehppercayaan Modul Kelompok Bimbingan Integrasi REBT-*Tazkiyah An-Nafs*.

SOROTAN LITERATUR

Keberkesanan teori REBT tidak dapat dinafikan dalam menyelesaikan pelbagai masalah sosial dan emosi pelajar, namun pengkaji merasakan masih ada ruang yang boleh ditambahbaik bagi menyuntik elemen-elemen Islam agar REBT bertambah lengkap dan menepati kehendak masyarakat di Malaysia. Ini selaras dengan pandangan bahawa untuk berjaya, pakar klanikal REBT perlu mengambil kira budaya yang berbeza, pelanggan yang berbeza, dan pelbagai jenis masalah seseorang itu (Criddle, 2007). Walaupun asasnya REBT menekankan aspek emosi, pemikiran dan tingkahlaku, tetapi REBT hanya memberi tumpuan kepada aspek pemikiran iaitu sistem kepercayaan "*belief system*" (pemikiran tidak rasional kepada pemikiran rasional). Dalam teori ini, tumpuan diberi kepada merisionalkan pemikiran yang tidak rasional. Ia mengandaikan bahawa

membetulkan sistem kepercayaan sahaja sudah memadai untuk menghasilkan tingkahlaku yang baik.

Menurut Mohammad Nasir (2006) teori REBT berkembang melalui pelbagai pendekatan terapi kognitif perlakuan. Sehingga hari ini, REBT menjadi salah satu pendekatan terapi yang sangat popular kerana ternyata memberi kesan positif terhadap klien serta menjimatkan kos dan masa. Terapi tingkah laku kognitif berasal daripada teori pembelajaran berdasarkan pendekatan teknik dan prosedur yang digunakan. Oleh itu, tidak ada satu teori khusus yang mendasari amalan terapi tingkah laku kontemporari (Corey, 2004). Terapi tingkah laku merupakan amalan orientasi klinikal berdasarkan pendekatan eksperimental dalam mengkaji tingkah laku (Abdul Malik, 2004).

Menurut Salasiah (2008) dan Md Noor (2012) model *Tazkiyah an-Nafs al-Ghazali* merupakan satu pendekatan kepada proses pembentukan diri melalui kesedaran dan celik akal untuk membuang sifat dan tingkah laku negatif, yang bercanggah dengan norma masyarakat serta kehendak agama di mana ianya juga boleh menimbulkan kecelaruan dan ketidaktenteraman kepada jiwa manusia. Dalam Model *Tazkiyah an-Nafs al-Ghazali* ianya menyentuh aspek mengenali diri, mengenal kekuatan dan kelemahan diri serta mengenal tingkah laku negatif yang merosakkan seterusnya mengenal pasti tindakan untuk menghindari sifat berkenaan. Proses ini diikuti dengan usaha peningkatan kualiti jiwa dengan mengembangkan sifat-sifat positif serta terfokus, dengan penuh kesungguhan dan mujahaddah sehingga melahirkan tingkah laku baharu yang positif.

Modul perlu dilakukan kesahan bagi mengukur ketepatan sesuatu ukuran yang digunakan. Kesahan modul bertujuan untuk memastikan sama ada ukuran atau indikator yang digunakan mengandungi semua ciri-ciri atau gagasan yang harus ada dalam konsep yang diukur (Sabitha, 2006). Oleh itu, kesahan modul merujuk kepada ketepatan konsep dan kandungan sesuatu modul. Menurut Rusell (1974), kesahan modul bagi penilaian adalah seperti berikut: a) menepati sasaran populasi, b) situasi pengajaran atau kaedah pelaksanaan modul adalah bersesuaian, c) masa yang diperuntukkan untuk menjalankan satu kaedah pelaksanaan modul adalah mencukupi, d) modul berjaya menyebabkan berlakunya peningkatan pencapaian pelajar dalam aspek yang disasarkan, dan e) modul berjaya mengubah sikap pelajar ke arah yang lebih cemerlang. Oleh itu, kesahan modul mestilah mengandungi ciri-ciri seperti di atas.

Kesahan sesuatu alat ukuran adalah merujuk kepada sejauh mana alat tersebut itu mengukur data yang sepatutnya (Paul & Jeanne, 2005; Anastasi, 1982). Kesahan digunakan untuk mengukur ketepatan sesuatu ukuran yang digunakan dalam kajian. Ia bertujuan untuk memastikan sama ada ukuran atau indikator yang digunakan itu mengandungi semua ciri-ciri atau gagasan yang harus ada dalam konsep yang diukur itu (Sabitha, 2006). Ciri kesahan dalam sesuatu alat pengukuran merujuk kepada darjah sejauh manakah ia dapat mengukur apa yang sepatutnya diukur (Abd Rashid & Siti Rahayah, 2001; Md Noor (2012).

Menurut Sidek & Jamaludin (2005), satu alat ukur dianggap sama maksud dengan modul. Ini adalah kerana alat ukuran dan modul merupakan alat, sumber, bahan yang menjadi panduan kepada seorang pembina modul untuk mendapatkan pelbagai maklumat dan data berkaitan dengan kajian dan penyelidikan yang akan dilakukan. Kesahan sesuatu modul akan menggambarkan sejauh mana hasil yang sepatutnya di capai. Ini bermakna modul perlu mempunyai objektif yang ingin diukur oleh penyelidik.

Selain kesahan, kebolehpercayaan sesuatu modul ditentukan apabila responden dapat menguasai objektif dan juga dapat mengikuti langkah-langkah bagi setiap aktiviti di dalam modul yang dilaksanakan dengan berkesan. Menurut Rusell (1947); Sidek dan Jamaludin (2005) dan Md Noor (2012), instrumen penilaian keberkesanan dan kesempurnaan modul boleh dibuat dengan dua cara iaitu, melalui soalan item yang dicipta berdasarkan objektif dan kedua soalan item berdasarkan aktiviti-aktiviti yang dinyatakan di dalam setiap aktiviti modul.

Kebolehpercayaan bermaksud konsistensi bagi sampel yang dikaji. Dengan kata lain, kebolehpercayaan merupakan suatu ujian yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi sekiranya skor yang sama diperoleh daripada individu yang berbeza (Sidek, 2002). Menurut Muhammad Aziz Shah (2010), kebolehpercayaan modul merujuk kepada ketekalan dan kestabilan sesuatu modul di dalam merawat apa yang sepatutnya dirawat seperti di dalam objektif sesuatu modul. Oleh itu, jelaslah menurut Rusell (1974), pengujian kebolehpercayaan sesuatu modul boleh dilihat melalui sejauh manakah pelajar dapat mengikuti kandungan sesuatu modul berkenaan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk deskriptif pendekatan kuantitatif yang melibatkan analisis kesahan kandungan dan analisis kebolehpercayaan. Menurut Mohd Majid (2009), kajian deskriptif sesuai digunakan bagi menerangkan keadaan semasa sesuatu fenomena yang sedang berlaku, mendapatkan penjelasan yang sempurna dan meneroka bidang yang belum dikaji untuk mendapatkan maklumat yang tepat. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan perakuan pakar penilai bidang (Creswell, 2005; Christensen 2004; Sekaran, 2000; Mohd Majid Kontang, 2009) bagi menentukan kesahan kandungan Modul Kelompok Bimbingan Integrasi Teori REBT-*Tazkiyah An-Nafs*.

Di dalam kajian ini, terdapat dua kaedah kesahan yang dijalankan iaitu kesahan muka dan kesahan kandungan oleh pengkritik luar (*external criticisme*). Kesahan muka dilakukan untuk melihat aspek kefahaman modul dan ketepatan bahasa manakala kesahan kandungan dilakukan melalui pengesahan pakar untuk melihat kandungan dan aplikasi kelompok secara menyeluruh. Pengkaji merujuk panel pakar seramai tiga belas orang bagi tujuan menentukan kesahan Modul Kelompok Bimbingan Integrasi Teori REBT-*Tazkiyah An-Nafs*.

Sebelum borang penilaian diberikan kepada panel pakar, pengkaji telah membuat satu salinan lengkap buku Modul Kelompok Bimbingan REBT-*Tazkiyah An-Nafs* yang mengandungi pengenalan, objektif umum modul, asas teori, kandungan keseluruhan dan lampiran-lampiran modul yang disediakan untuk diteliti, dinilai serta diberi cadangan penambahbaikan oleh panel pakar. Satu set instrumen kesahan kandungan modul berdasarkan pandangan Rusell (1974), juga diberi kepada pakar untuk menentukan tahap isi kandungan Modul Kelompok Bimbingan REBT-*Tazkiyah An-Nafs*. Didalam Modul Kelompok Bimbingan REBT-*Tazkiyah An-Nafs* pengkaji telah menetapkan.

SUBJEK KAJIAN

Subjek kajian untuk menilai kesahan muka terdiri daripada 13 orang pakar dalam bidang kaunseling daripada lima buah universiti tempatan, dua buah dari IPG, dua JAKIM dan sebuah dari Majlis Agama Islam Negeri Sembilan dan Seksyen Psikologi, JPM yang dipilih untuk membuat penilaian ke atas modul dan instrumen seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1. Senarai Nama Pengesahan Penilaian Item Modul

| Bil | Profil Ringkas | Institusi | Bidang Kepakaran |
|-----|--|------------|--|
| 1 | Prof. Madya Dr (Pensyarah Universiti) | UKM | Psikologi dan Kaunseling |
| 2 | Prof. Dr. (Pensyarah Universiti) | UKM | Psikologi dan Kaunseling |
| 3 | Dr. (Pensyarah Universiti) | UKM | Psikologi dan Kaunseling & Pembinaan Modul |
| 4 | Prof. Madya Dr. (Pensyarah Universiti) | UPSI | Psikologi dan Kaunseling & Pembinaan Modul |
| 5 | Dr. (Pensyarah Universiti) | UPSI | Psikologi dan Kaunseling & Pembinaan Modul |
| 6 | Dr. (Pensyarah IPG) | IPG, Jitra | Psikologi dan Kaunseling & Pembinaan Modul |
| 7 | Dr. (Pensyarah IPG) | IPG Ipoh | Psikologi dan Kaunseling & Pembinaan Modul |
| 8 | Dr. (Kaunselor Organisasi) | PPD | Psikologi dan Kaunseling & Pembinaan Modul |
| 9 | Ketua Kaunselor | MAIN | Psikologi dan Kaunseling |
| 10 | Ketua Kaunselor | JPM | Psikologi dan Kaunseling |
| 11 | Dr. (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan). | JAKIM | Kaunseling, Terapi dan Ilaj Syarie |
| 12 | Pendaftar, Darul Quran. | JAKIM | Kaunseling Keluarga |
| 13 | Prof. Emiretus Dato' Dr (Pensyarah Universiti) | UNISHAM | Psikologi dan Kaunseling |

Pengkaji telah menyediakan satu set borang penilaian kepada pakar untuk dinilai. Terdapat skala bagi penilaian iaitu sepuluh mata pilihan seperti; 1 (sangat tidak setuju) hinggalah 10 (sangat setuju). Bagi menentukan kesahan kandungan modul, jumlah skor yang telah diisi oleh pakar (x) akan dibahagikan dengan jumlah skor sebenar (y) dan didarabkan dengan seratus. Sekiranya nilai jumlah skor 70% dan keatas, ia menunjukkan sesuatu modul itu mempunyai kesahan kandungan yang tinggi dan dianggap telah menguasai atau mencapai tahap pencapaian yang tinggi (Tuckman, 1998; Abu Bakar, 1995; Sidek & Jamaludin, 2005). Formula berkenaan adalah seperti berikut:

| | | |
|-------------------------|--------|--------------------------------------|
| Jumlah Pakar (x) | | |
| ----- | x 100% | = Tahap Penguasaan Kesahan Kandungan |
| Jumlah Skor Sebenar (y) | | |

Manakala bagi penentuan kebolehpercayaan Modul Kelompok Bimbingan REBT-Tazkiyah An-Nafs, pengkaji telah mengedarkan instrument kebolehpercayaan modul kepada 30 orang pelajar sebagai responden kajian rintis (pilot study). Latar belakang pelajar terabit adalah dari kalangan pelajar Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat al-Quran Wal Qiraat semester 2. Instrumen kebolehpercayaan modul diberikan kepada pelajar setelah mereka mengikuti setiap aktiviti dalam modul tersebut. Instrumen dianalisis bagi mendapatkan nilai kebolehpercayaan dengan menggunakan kaedah pekali *alpha cronbach*.

HASIL KAJIAN

Kesahan Modul

Jadual 2 menunjukkan kandungan modul ini menepati sasaran populasinya dan kandungan modul ini boleh meningkatkan motivasi pelajar masing-masing nilai peratusan tertinggi iaitu 90.8 peratus. Manakala kandungan modul ini boleh meningkatkan resiliensi pelajar merupakan peratusan kedua tertinggi iaitu 89.2 peratus. Kandungan modul ini boleh meningkatkan kecerdasan emosi pelajar adalah 87.5 peratus, Kandungan modul ini boleh dilaksanakan dengan sempurna adalah 86.7 peratus dan terakhir sekali Kandungan modul ini bersesuaian dengan masa yang diperuntukkan merupakan peratus terendah sekali iaitu 82.5 peratus. Jumlah peratusan kesahan skor adalah 87.9%. Secara keseluruhannya pandangan daripada panel pakar menunjukkan kandungan Modul Kelompok Bimbingan Integrasi REBT-*Tazkiyah An-Nafs* adalah diterima.

Jadual 2. Nilai Kesahan Modul Kelompok Bimbingan REBT-*Tazkiyah An-Nafs* Penilaian Pakar

| Bil | Pernyataan | % | Pandangan Pakar |
|-----|---|------|-----------------|
| 1 | Kandungan modul ini menepati sasaran populasinya | 90.8 | Diterima |
| 2 | Kandungan modul ini boleh dilaksanakan dengan sempurna | 86.9 | Diterima |
| 3 | Kandungan modul ini bersesuaian dengan masa yang diperuntukkan | 83.0 | Diterima |
| 4 | Kandungan modul ini boleh meningkatkan motivasi pelajar | 90.8 | Diterima |
| 5 | Kandungan modul ini boleh meningkatkan kecerdasan emosi pelajar | 87.7 | Diterima |
| 6 | Kandungan modul ini boleh meningkatkan resiliensi pelajar | 89.2 | Diterima |

Jadual 3. Nilai Kesahan Sesi dan Aktiviti Modul Kelompok Bimbingan REBT-Tazkiyah An-Nafs berdasarkan penilaian pakar

| Bil | Kelompok Bimbingan REBT-Tazkiyah an-Nafs | Aktiviti | % | Pandangan Pakar |
|------------------------|--|---|-------------|-----------------|
| 1 | Sesi 1 (A) Peristiwa (Membina Hubungan Ahli Kelompok) | Aktiviti 1: Ta'aruf & Etika Kelompok | 90.8 | Diterima |
| | | Aktiviti 2: Kenali Diri dan Ahli Kelompok | 90.0 | Diterima |
| | | Aktiviti 3: Warna Dalam Nama | 90.8 | Diterima |
| | | Aktiviti 4: Persepsi Diri (Ma'rifah An-Nafs-1) | 90.8 | Diterima |
| | | Aktiviti 5: Pengenalan REBT | 90.8 | Diterima |
| 2 | Sesi 2 (B) Mentaksir Masalah Kepercayaan Rasional dan Tidak Rasional | Aktiviti 6: Kenali Saya Melalui Kanvas | 86.2 | Diterima |
| | | Aktiviti 7: Graf Kehidupan | 88.5 | Diterima |
| | | Aktiviti 8: Mengenali Diri (Ma'rifah an-Nafs-2) | 90.0 | Diterima |
| 3 | Sesi 3 (C) Kesan Psikologi Yang Dihadapi Klien (Menyediakan Ahli Kelompok Untuk Proses Terapi) | Aktiviti 9: Tema Pada Lukisan | 88.5 | Diterima |
| | | Aktiviti 10: Mereka Yang Bermakna | 90.0 | Diterima |
| | | Aktiviti 11: Keajaiban Hati (Ma'rifah an-Nafs) | 92.3 | Diterima |
| 4 | Sesi 4 (D) Mencabar Pemikiran Tidak Rasional (Melaksanakan Program Rawatan) | Aktiviti 12: Analisis Rasional | 89.2 | Diterima |
| | | Aktiviti 13: Mencabar Sistem Pemikiran Tidak Rasional | 89.2 | Diterima |
| | | Aktiviti 14: Warna Kehidupan Ku | 90.8 | Diterima |
| | | Aktiviti 15: Misi Diri (Takhali & Tahali-1) | 89.2 | Diterima |
| | | Aktiviti 16: Misi Diri (Takhali & Tahali-2) | 90 | Diterima |
| 5 | Sesi 5 Kepercayaan Baharu Terhadap Emosi Stabil (Mengatur Strategi Sokongan) | Aktiviti 17: Menyemak Tugas | 89.2 | Diterima |
| | | Aktiviti 18: Muhasabah Diri | 87.7 | Diterima |
| | | Aktiviti 19: Warna, Doa dan Harapan | 91.5 | Diterima |
| 6 | Sesi 6 (F) Mengatur Strategi Sokongan (Penilaian) | Aktiviti 20: Matlamat Hidup Ku Kini | 89.2 | Diterima |
| | | Aktiviti 21: Sa'adah (Menuju Kebahagiaan Dunia dan Akhirat) | 90.8 | Diterima |
| | | Aktiviti 22: Tangga Matlamat Baharu | 92.3 | Diterima |
| 7 | Sesi 7 : Penamatan | Aktiviti 23: Salam Terakhir | 87.7 | Diterima |
| | | Aktiviti 24: Rumusan | 89.2 | Diterima |
| Min Keseluruhan | | | 89.9 | Diterima |

Hasil keputusan daripada kumpulan pakar telah membuat penilaian terhadap kesahan Sesi dan Aktiviti Modul Kelompok Bimbingan REBT-Tazkiyah An-Nafs. Berdasarkan Jadual 3,

menunjukkan jumlah skor pakar keseluruhan kesesuaian sesi dan aktiviti adalah 89.8%. Peratusan minimum 86.2% bagi aktiviti kenali saya melalui kanvas. Manakala peratusan maksimum 92.3% bagi aktiviti Keajaiban Hati (*Ma'rifah an-Nafs*). Ini menunjukkan Modul Kelompok Bimbingan REBT-*Tazkiyah An-Nafs* telah diberikan penialain yang tinggi oleh pakar dan sesuai dilaksanakan. Dapatan daripada penilaian pakar berdasarkan soal selidik kesahan kandungan oleh Rusell (1974) yang telah diubahsuai oleh Jamaludin (2002) bagi menentukan kesahan kandungan Modul Kelompok Bimbingan REBT-*Tazkiyah An-Nafs* adalah seperti jadual 4 berikut:

Jadual 4 Dapatan Maklum Balas dan Komen Untuk Penambahbaikan oleh Pakar

| Pakar | Komen dan Penambahbaikan |
|-------|--|
| 1 | Pemetaan aktiviti berdasarkan objektif motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi. |
| 2 | Diperkenankan. |
| 3 | Modul ini mempunyai potensi untuk dijalankan kajian kepada populasi yang dipilih oleh pengkaji. Format penulisan modul di susun dengan baik. |
| 4 | Kandungan modul adalah baik berasaskan teoritikal dan dapat melatih perkara yang ingin dilatih. |
| 5 | Satu penghasilan modul yang baik <i>relate</i> dengan kaunseling Islam. |
| 6 | Keseluruhan bilangan item bersesuaian dengan kehendak kajian. |
| 7 | Kurangkan aktiviti (jika perlu). |
| 8 | Pemahaman mendalam dan pelaksanaan yang komited dapat mereliasasikan objektif modul. |
| 9 | Soalan yang dibina memenuhi keperluan kajian. |
| 10 | Tiada komen |
| 11 | Dapat digunakan untuk pelajar Tahfiz SMKA, MRSM Ulu Albab |
| 12 | Modul yang digubal mempunyai kekuatan tersendiri untuk memotivasikan pelajar. |
| 13 | Apa yang diusahakan jelas, teratur dan pragmatik. |

Jadual 4 menunjukkan komen dan cadangan yang dikemukakan oleh pakar. Pengkaji telah membuat penambahbaikan semula atas cadangan panel pakar bagi mencapai objektif kajian.

Kebolehpercayaan Modul

Proses penentuan kebolehpercayaan Modul Kelompok Bimbingan REBT-*Tazkiyah An-Nafs*, dijalankan kepada 30 orang pelajar Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat semester 2 di Darul Quran, JAKIM. Proses sesi kelompok bimbingan dilakukan selama lapan kali pertemuan. Setelah itu, instrumen kebolehpercayaan modul Kelompok Bimbingan REBT-*Tazkiyah An-Nafs* diberikan kepada pelajar berkenaan setelah mengikuti setiap aktiviti-aktiviti dalam modul tersebut. Instrumen dianalisis bagi mendapatkan nilai kebolehpercayaan dengan menggunakan kaedah pekali *alpha cronbach*. Dalam Jadual 5 adalah Nilai kebolehpercayaan berdasarkan sesi dan aktiviti modul Kelompok Bimbingan REBT-*Tazkiyah An-Nafs*.

Jadual 5 Nilai kebolehpercayaan Berdasarkan Sesi dan Aktiviti Modul Kelompok Bimbingan REBT-Tazkiyah An-Nafs

| Modul Utama | Sub Modul | Nilai a | Pandangan Pakar |
|---|---|---------|-----------------|
| Sesi 1 (A) <i>Acting Event-Membina Hubungan Ahli Kelompok</i> | Aktiviti 1 : Ta'aruf | .960 | Diterima |
| | Aktiviti 2 : Kenal Diri | | |
| | Aktiviti 3 : Warna Dalam Nama | | |
| | Aktiviti 4 : Makrifah an-Nafs (Persepsi Diri) | | |
| | Aktiviti 5: Pengenalan Konsep REBT | | |
| Sesi 2 (B) <i>Belief System – Mentaksir Masalah Kepercayaan Rasional dan Tidak Rasional</i> | Aktiviti 6: Kenali Saya Dalam Kanvas | .930 | Diterima |
| | Aktiviti 7: Graf Kehidupan | | |
| | Aktiviti 8: Ma'rifah an-Nafs (Keajaiban Hati) | | |
| Sesi 3 (C) <i>Consequences (Kesan Psikologi Terhasil; Menyediakan Ahli Kelompok Untuk Proses Terapi</i> | Aktiviti 9 : Tema Pada Lukisan | .951 | Diterima |
| | Aktiviti 10: Mereka Yang Bermakna | | |
| | Aktiviti 11: Ma'rifah an-Nafs (Keajaiban Hati) | | |
| Sesi 4 (D) <i>Dispute (Intervensi/ Mencabar Pemikiran Tidak Rasional)</i> | Aktiviti 12: Analisa Rasional | .965 | Diterima |
| | Aktiviti 13: Mencabar Sistem Pemikiran Tidak Rasional | | |
| | Aktiviti 14: Takhali & Tahalil-1 | | |
| | Aktiviti 15: Takhali & Tahalil-2 | | |
| | Aktiviti 16: Menyemak Tugas | | |
| Sesi 5 (E) <i>Effectiveness (Kepercayaan Baharu/Emosi Stabil)</i> | Aktiviti 17: Muhasabah | .977 | Diterima |
| | Aktiviti 18: Warna, Doa Dan Harapan | | |
| | Aktiviti 19: Matlamat Hidup Ku Kini | | |
| Sesi 6 (F) <i>New Feeling – Mengatur Strategi Sokongan</i> | Aktiviti 20: Sa'adah | .959 | Diterima |
| | Aktiviti 21: Tangga Matlamat Baharu | | |
| | Aktiviti 22: Warna Kehidupan Ku | | |
| Sesi 7 <i>Sesi Penamatan</i> | Aktiviti 23: Salam Terakhir | .980 | Diterima |
| | Aktiviti 24: Rumusan | | |
| | | | |

Berdasarkan Jadual 5, sesi pertama menunjukkan nilai alpha .960, sesi kedua .930, sesi ketiga .951, keempat .965, sesi kelima .977, sesi keenam .959 dan sesi terakhir .980. Ini menunjukkan keseluruhan nilai *alpha* bagi setiap sesi didapati nilainya adalah tinggi dan boleh sesuai digunakan dalam menjalankan aktiviti berkelompok.

Jadual 6 pula menunjukkan kajian rintis modul bagi keseluruhan sub-sub modul Kelompok Bimbingan REBT-Tazkiyah An-Nafs. Proses sesi kelompok bimbingan berlaku selama 9 sesi pertemuan termasuk taklimat pengenalan kelompok. Setiap pertemuan mengambil masa tiga jam. Sesi ini dijalankan di bilik kuliah bangunan Ijazah tersebut.

Jadual 6. Kajian Rintis Modul

| Nilai alpha | Jumlah Item | Bilangan Sampel |
|-------------|-------------|-----------------|
| .972 | 144 | 30 |

Berdasarkan Jadual 6 keputusan keseluruhan sub-sub modul Kelompok Bimbingan REBT-*Tazkiyah An-Nafs* kajian rintis yang melibatkan 30 orang pelajar sebagai kajian ini dengan 144 jumlah item soalan yang dibina berdasarkan aktiviti modul mendapat keputusan iaitu nilai *alpha* .972.

PERBINCANGAN

Menurut saranan Russell (1974) yang dikemukakan oleh Sidek & Jamaludin (2005), satu alat ukur dianggap sama maksud dengan modul. Ini adalah kerana alat ukuran dan modul merupakan alat, sumber, bahan yang menjadi panduan kepada seorang pembina modul untuk mendapatkan pelbagai maklumat dan data berkaitan dengan kajian dan penyelidikan yang akan dilakukan. Kesahan sesuatu modul akan menggambarkan sejauh mana hasil yang sepatutnya di capai. Ini bermakna modul perlu mempunyai objektif yang ingin diukur oleh penyelidik.

Berdasarkan penilaian pakar penilai yang dilantik, Modul Integrasi Teori REBT-*Tazkiyah An-Nafs* ini mendapat kesahan yang tinggi dan mampu membangunkan potensi pelajar Tahfiz kearah yang lebih positif. Menurut Tuckman (1998) dan Abu Bakar Nordin (1995), aras pencapaian 70% dianggap telah menguasai atau mencapai tahap pencapaian yang dikehendaki dan berdasarkan penganalisan Modul Integrasi Teori REBT-*Tazkiyah An-Nafs* telah mencapai lebih daripada 89.9%.

Ini bermakna, alat tersebut dapat mengukur semua isi serta kandungan bidang yang dikaji dengan berkesan (Mohd Majid, 1998). Kesahan kandungan sesuatu alat ukuran bergantung kepada skop dan objektif bidang yang dikaji. Perkara ini disokong Alias (1992); Creswell (2002, 2005, 2010); Pallant (2001); Tuckman (1999) menyatakan kesahan sesuatu instrumen merujuk kepada sejauh manakah sesuatu instrumen mengukur apa yang sepatutnya diukur.

Di samping itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kebolehpercayaan Modul Integrasi Teori REBT-*Tazkiyah An-Nafs* secara keseluruhannya adalah tinggi iaitu .972. Menurut Kerlinger (1979) dan Mohd Majid (2000), sekiranya nilai kebolehpercayaan yang diperolehi tinggi, paling minimum 0.60, bermakna modul atau alat ukur mempunyai tahap konsistensi yang baik. Oleh itu, berdasarkan dapatan kesahan dan kebolehpercayaan tersebut menunjukkan Modul Kelompok Bimbingan REBT-*Tazkiyah An-Nafs* boleh diterima dan dipercayai serta boleh digunakan dalam intervensi dalam meningkatkan motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi dalam kalangan remaja dan pelajar Tahfiz.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, Modul Kelompok Bimbingan Integrasi REBT-*Tazkiyah An-Nafs* merupakan satu sumbangan baharu kepada pengamal bimbingan dan kaunseling di Malaysia. Kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji menunjukkan Modul Kelompok Bimbingan REBT-*Tazkiyah An-Nafs* yang dibina merasakan Teori REBT oleh Albert Ellis (1955) dan Model *Tazkiyah an-Nafs* al-Ghazali oleh Salasiah (2008) dan Md Noor (2012) mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi serta sesuai digunakan dalam konteks tempatan. Modul ini boleh digunakan oleh Kaunselor, Guru mahupun fasilitator sebagai salah satu alternatif intervensi terhadap pelajar sekolah menengah mahupun di institusi pengajian tinggi yang rendah motivasi, kecerdasan emosi dan resiliensi. Dicadangkan agar kajian yang lebih menyeluruh dalam bentuk kajian kuasi eksperimen perlu dilakukan untuk melihat keberkesanan Modul Kelompok Bimbingan REBT-*Tazkiyah An-Nafs* sebagai sumbangan kepada pengamal bimbingan dan kaunseling.

RUJUKAN

- Anastasi, A. (1982). *Psychological testing*. Ed ke-5. New York: Mc Millan Publishing Co. Inc
- Abdul Malek Abdul Rahman. (2004). *Kesan Kaunseling kelompok tingkah laku kognitif dalam merawat tingkah laku lansung buli di kalangan pelajar sekolah menengah*. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Abdul Rashid Johar & Siti Rahiyah Ariffin (2001). *Isu pengukuran dan penilaian pendidikan*. Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Jazimin (2008). *Penggunaan terapi reality dalam kalangan kaunselor di Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chang, L.H., Mohd Faris Dziauddin., Baharuddin Jabar., Mohd Noor Daud., Nurul Firdaus Abd rahman dan Zainuddin Othman. (2014). Social science literacy among form four student in Malaysian secondary schools. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers & Teacher Education*, 4(2), 59-72.
- Creswell, J. W. (2005). *Educational research: Planning conducting and evaluating quantitative and qualitative research*. New Jersey: Pearson Education Inc.
- Christensen, L.B. (2004). *Experimental methodologi* (9th ed.). Boston: Pearson Education, Inc. Ellis, A. (1955). *Teknik-teknik Konseling* Jakarta: PT.Merdika.
- Ellis, A. (1958). Rational psychotherapy. *Journal of General psychology*, 59, 35-49.
- Ellis, A., Shaughnessy, M.F., & Mahan, V. (2003). An interview with Albert Ellis about rational emotive behavior therapy. *North American Journal of Psychology*, 4(3), 355-356.
- Gladding, S.T. (2003). *Group Work. A counseling speciality*. Ed ke 4. New York: Mc Millan Publication. Ida Hartina Ahmed Tharbe. (2006). *Memimpin kaunseling kelompok*. Batu Caves: PTS Profesional Sdn Bhd Ibrahim Mohamed Zain (2007). *Membina dan mengesahkan instrument pentaksiran kecerdasan pelbagai*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jamaludin Ahmad. (2008). *Modul dan pengendalian bimbingan kelompok*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Jamaludin Ahmad, Rosdi Yusof & Saifudin Kumar Abdullah. (2009). The reliability and validity of Tennessee self concept scale (TSCS) instrument on residents of drug rehabilitation center. *Journal of Social Sciences*, 10 (3).
- Leedy, P.D., & Ormrod, J.E. (2005). *Practical research: Planning and design* (8th ed.) Prentice Hall.
- Md Noor Saper (2012). *Pembinaan Modul Bimbingan Tazkiyah An-Nafs Dan Kesannya Ke Atas Religiositi Dan Daya Tahan Remaja*. Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Muhammad Aziz Shah Mohamed Arip (2010). *Kesan kelompok bimbingan ke atas konsep sendiri, kelangsangan dan resiliensi di kalangan remaja*. Tesis Dr. Fal. UKM, Bangi.
- Rusell, J. D (1974). *Modular instruction: a guide to the design, selection, utilization and evaluation of modular materials*. United States: Publishing Company
- Rohaya Talib & Mohd Najib. (2008). *Pembinaan dan pengesahan instrument bagi mengukur tahap literasi pentaksiran guru sekolah menengah di Malaysia*. (Electronic Version). <http://eprints.utm.my>
- Sabitha Marican. (2006). *Penyelidikan sains sosial pendekatan pragmatic*. Batu Caves: Penyerbit Edusystem Sdn Bhd.
- Sekaran, U. (2000). *Research methods for business: A skillbuilding approach*. United States of American: John Wiley & Sons, Inc.
- Sidek Mohd Noah & Jamaludin Ahmad. (2005). *Pembinaan modul: Bagaimana membina modul latihan dan modul akademik*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Salasiah Hanin Hamjah. (2008). *Pendekatan dakwah al-irsyad al-nafsiyy menurut al-Ghazali- satu kajian di Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan*. Tesis Dr. Fal. Universiti Sains Malaysia. Kubang Krian.
- Shertzer, B., & Stone, S. C. (1981). *Fundamentals of Guidance* (4th ed.). Boston, MA: Houghton Mifflin.
- Tuckman, B.W. (1988). *Conducting Educaton Research*, 3rd Edition. New York: Harcourt Brace Jovanovich, Inc.
- Umu Hani. (2014). *Peran pengasuh dalam meningkatkan prestasi menghafal al-Quran Santri PP*. Nurul Ummat Kotagede Yogyakarta. Laporan penyelidikan, Jurusan Bimbingan dan Kaunseling Islam, Universitas Islam Negeri, Sunan Kalijaga, Yogyakarta, 20 Julai
- Wallen, S.R., DiGiuseppe, R., & Dryden, W. (1992). *A practitioner's guide to rational emotive therapy* (2nd ed). New York: Oxford University Press.